



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

15 Julai 2024

## KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan **Laporan PAC Parlimen Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bagi Syor-Syor Laporan PAC Berhubung UiTM Holdings Sdn. Bhd. (DR.21/2024).**
2. Laporan ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), UiTM dan Uitm Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) terhadap syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC berkaitan UiTM Holdings Sdn. Bhd. (DR.3/2024) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Mac 2024 seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 304 (b) Tahun 2023.
3. PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen DR.3/2024 pada **9 Julai 2024** dan saksi yang hadir adalah **YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad**, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan); **YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang**, Ketua Setiausaha (KSU) KPT; **YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin**, Naib Canselor UiTM; dan **YBrs. Encik Syed Azharuddin Al-Habshi**, Penolong Pengurus Besar UHSB.

4. Dalam setiap tindakan susulan terhadap syor laporan PAC, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada setiap tindakan susulan berkenaan.
5. PAC mengambil maklum usaha yang diambil KPT, UiTM dan UHSB bagi memastikan pengurusan aktiviti UiTM Holdings diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mengikut amalan tadbir urus korporat yang baik.
6. Lanjutan daripada syor-syor PAC mengenai isu dalam memastikan sistem kawal selia yang lebih efektif ke atas UHSB dan syarikat subsidiari supaya lebih menjana keuntungan dan mampu membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan, Jawatankuasa ini telah dimaklumkan dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh KPT dan UiTM.
7. Dalam hal ini, PAC mengambil maklum dengan tindakan penambahbaikan yang diambil oleh KPT dan UiTM dalam memastikan kawal selia anak syarikat agar mampu menjanakan keuntungan dan mencapai matlamat penubuhan.
8. Selain itu, pembangunan dan penguatkuasaan Garis Panduan Pelaburan dan Pembiayaan oleh Universiti Awam 2024 oleh KPT untuk diguna pakai oleh semua Universiti Awam dilihat adalah baik.
9. PAC berpendapat KPT berkemungkinan boleh mempertimbangkan pelaksanaan dan pemakaian garis panduan tersebut kepada anak-anak syarikat di bawah seliaan KPT.
10. UHSB juga telah membentangkan Hala Tuju : *10-Year Strategic Roadmap* kepada PAC dan berpandangan pelan hala tuju yang disediakan adalah

terlalu optimistik. UHSB perlu mengambil kira cabaran sebenar di lapangan supaya ianya lebih realistik.

11. Dalam usaha bagi memastikan pematuhan kepada kuasa melulus dalam membuat pelaburan, pembiayaan dan penubuhan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan Akta 173, KPT telah menyediakan Proses Permohonan Pelaburan dan Pinjaman di Peringkat UiTM dan KPT. PAC berpandangan Manual Operasi Standard (SOP) yang telah disediakan hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh KPT dan UiTM dan dalam masa yang sama ianya tidak terikat dengan kerenah birokrasi.
12. Orang ramai boleh membaca setiap tindakan susulan KPT, UiTM dan UHSB serta ulasan PAC dengan melayari laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**